

## Melaka terima impak positif hasil hubungan dengan Guanxi Zhuang, China

Oleh BERNAMA · April 9, 2025 @ 5:12pm



Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh. - Foto fail NSTP/Amir Mamat

MELAKA: Melaka menerima impak positif hasil hubungan dua hala dengan wilayah autonomi Guanxi Zhuang, China, kata Ketua Menteri, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh.

Beliau berkata antaranya ialah peningkatan kemasukan pelancong dari China kepada 664,000 pada 2024, berbanding 204,000 tahun sebelumnya dengan penglibatan kumpulan budaya dari wilayah autonomi berkenaan turut mengadakan persembahan sempena Majlis Pelancaran Tahun Melawat Melaka 2024.

"Berdasarkan kejayaan ini Tahun Melawat Melaka akan dilanjutkan hingga 2026 sejarah dengan matlamat nasional untuk menarik 35.6 juta pelancong semasa Tahun Melawat Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita sempena Laporan Rasmi Gabenor Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang, Lan Tianli ke Melaka hari ini.

Hadir sama Setiausaha Agung Kerajaan Wilayah Guangxi, Zhong Dezhi; Ketua Pengarah Pejabat Hal Ehwal Luar Negeri Guangxi, Wei Ran; Ketua Pengarah Perdagangan Guangxi, Yang Chunling dan Ketua Jabatan Kastam Nanning, Wang Weibing.

Laporan itu turut menyaksikan Majlis Menandatangi Surat Niat antara Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Minzu Guangxi serta pelancaran Perikatan Industri-Pendidikan TVET China-Malaysia.

Ab Rauf berkata Lan turut menawarkan 15 biasiswa kepada golongan belia di Malaysia untuk melanjutkan pengajian dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dengan lima daripada biasiswa berkenaan khusus untuk anak Melaka.

"Ini satu perkembangan baik membabitkan hubungan bilateral antara Melaka dan juga Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang ini.

"Kita akan teruskan lagi hubungan antara kedua-dua wilayah ini secara berkala dan kita akan melihat beberapa perkembangan baharu hubungan dua hala ini merangkumi beberapa sektor yang memberikan pulangan baik," katanya.

- BERNAMA



IKUTI KAMI DI:



BERITA  
BH PLUS  
Nasional  
Kes.  
Politik  
Pendidikan  
Wilayah

SUKAN  
DUNIA  
HIBURAN  
BISNES  
RENCANA  
WANITA  
HARI JUJUNG MINGGU

MULTIMEDIA  
Foto  
BHTV  
Infografik  
  
LANGAN  
Akbar Digital  
Akbar BH

PERKHIDMATAN  
Iklan Web  
1klassifieds  
NSTP KLIK  
  
RADIO  
Dapatkan Audio+  
Hot FM  
Buletin PM  
Fly FM  
Eight FM  
Molek FM